



KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD
(Koop Negara No: 39)

MESYUARAT AGUNG KAWASAN
12 WILAYAH FELDA
BERMULA 6 JAN HINGGA 16 FEB 2026

KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
Agenda 01	
Membentangkan Laporan Prestasi dan Akaun Pengurusan Sehingga 30 November 2025;	2-13
Agenda 02	
Membentangkan Cadangan Pindaan Belanjawan 2026 dan Belanjawan 2027;	14-27
Agenda 03	
Membentangkan Cadangan Mewujudkan Aturan Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga; dan	28-39
Agenda 04	
Usul-usul Lembaga dan Anggota (jika ada).	40-41

AGENDA 01

Membentangkan Laporan Prestasi dan Akaun Pengurusan Sehingga

30 November 2025

Membentangkan Laporan Prestasi dan Akaun Pengurusan Sehingga 30 November 2025

TUJUAN

1. Agenda ini adalah untuk membentangkan laporan prestasi dan akaun pengurusan sehingga 30 November 2025 untuk makluman anggota.

LATAR BELAKANG

2. Rumusan Penyata Untung Rugi sehingga 30 November 2025 adalah seperti berikut:

Perkara	2025 RM'000	2024 RM'000	Beza %
Pendapatan	410,783	397,748	3.28
Kos Jualan	(180,886)	(185,756)	(2.62)
Untung Kasar	229,897	211,992	8.45
Pendapatan Lain	43,129	6,451	568.53
Belanja Pentadbiran	(13,591)	(12,271)	10.75
Belanja Operasi	(20,354)	(14,737)	38.12
EBITDA	239,081	191,435	24.89
Belanja dan Pelunasan	(34,660)	(8,783)	294.65
Keuntungan Operasi	204,421	182,652	11.92
Kos Kewangan	(24,323)	(24,633)	(1.26)
Keuntungan Sebelum Cukai	180,098	158,019	13.97
Pelarasan Operasi	(28,634)	-	100
Keuntungan Selepas Pelarasan Operasi	151,464	158,019	(4.15)

Nota:

- i) *Belanja susut nilai dan pelunasan sehingga 30 November 2025 mengambil kira susut nilai dan pelunasan ke atas aset tetap, pajakan tertangguh dan tumbuhan penghasil di Ladang Samarahan berjumlah RM26.12 juta di mana ia tidak direkodkan bagi tempoh yang sama tahun 2024 disebabkan oleh Ladang*

Samarahan diklasifikasi sebagai Aset Untuk Dijual dan tiada susut nilai dan pelunasan dikenakan.

- ii) *Pelarasan operasi RM28.63 juta merujuk kepada belanja susut nilai dan pelunasan Ladang Samarahan bagi tahun kewangan 2024 yang direkodkan sebagai belanja tahun semasa susulan reklasifikasi Aset Untuk Dijual kepada Aset Bukan Semasa dalam tahun 2025.*

(a) Pendapatan

Pendapatan meningkat sebanyak RM13.03 juta atau 3.28% berbanding tempoh yang sama tahun 2024. Sumbangan kepada peningkatan ini adalah daripada aktiviti perladangan sebanyak RM34.06 juta (2025: RM245.67 juta; 2024: RM211.61 juta) dan aktiviti perkhidmatan Ar-Rahnu sebanyak RM3.31 juta (2025: RM25.83 juta; 2024: RM22.52 juta). Walau bagaimanapun, pendapatan daripada aktiviti-aktiviti perniagaan lain mencatatkan penurunan berjumlah RM24.34 juta.

(b) Kos Jualan

Kos jualan menurun sebanyak RM4.87 juta atau 2.62% berbanding tempoh yang sama tahun 2024. Sebab utama penurunan adalah daripada kos aktiviti perladangan berjumlah RM5.02 juta.

(c) Pendapatan Lain

Pendapatan lain meningkat sebanyak RM36.68 juta atau 568.53% berbanding tempoh yang sama tahun 2024 disebabkan oleh keuntungan daripada penjualan kepentingan ekuiti dalam lapan (8) syarikat Kumpulan FGV berjumlah RM42.37 juta.

(d) Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan adalah RM92.92 juta, merekod peningkatan sebanyak RM32.50 juta atau 53.79% berbanding tempoh yang sama tahun lalu

berjumlah RM60.42 juta. Ia adalah disebabkan oleh belanja operasi meningkat sebanyak RM5.62 juta (2025: RM20.35 juta; 2024: RM14.73 juta), kesan daripada peningkatan belanja khairat kematian anggota RM1.93 juta, tuntutan litigasi RM3.47 juta dan cukai keuntungan modal RM1.56 juta.

Selain itu, belanja susut nilai dan pelunasan meningkat sebanyak RM25.88 juta (2025: RM34.66 juta; 2024: RM8.78 juta) susulan reklasifikasi Ladang Samarahan daripada Aset Untuk Dijual kepada Aset Bukan Semasa iaitu aset tetap, pajakan tertangguh dan tumbuhan penghasil.

(e) Keuntungan Sebelum Cukai

Keuntungan sebelum cukai adalah RM180.10 juta, meningkat sebanyak RM22.08 juta ataupun 13.97% berbanding tempoh yang sama tahun 2024 berjumlah RM158.02 juta.

3. Rumusan Kunci Kira-Kira pada 30 November 2025 adalah seperti berikut:

Perkara	2025 RM'000	2024 RM'000	Beza %
Aset Bukan Semasa	3,726,805	2,805,375	32.85
Aset Semasa	311,336	1,398,477	(77.74)
Jumlah Aset	4,038,141	4,203,852	(3.94)
Ekuiti	3,220,952	3,412,109	(5.60)
Liabiliti Bukan Semasa	513,359	531,274	(3.37)
Liabiliti Semasa	303,830	260,469	16.65
Jumlah Liabiliti	817,189	791,743	3.21
Jumlah Liabiliti dan Ekuiti	4,038,141	4,203,852	(3.94)

(a) Jumlah Aset

Jumlah aset adalah RM4,038.14 juta, menurun sebanyak RM165.71 juta atau 3.94% berbanding tahun 2024 berjumlah RM4,203.85 juta. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh pelupusan kepentingan ekuiti dalam syarikat

Kumpulan FGV dengan kos bernilai RM187.39 juta dan penurunan nilai buku bersih Ladang Samarahan.

(b) Jumlah Ekuiti

Jumlah ekuiti adalah RM3,220.95 juta, menurun sebanyak RM191.16 juta atau 5.60% berbanding tahun 2024 berjumlah RM3,412.11 juta antaranya disebabkan oleh penurunan keuntungan terkumpul berjumlah RM159.47 juta dan penurunan modal syer berjumlah RM55.40 juta.

(c) Jumlah Liabiliti

Jumlah liabiliti adalah RM817.19 juta, meningkat sebanyak RM25.45 juta atau 3.21% berbanding tahun 2024 berjumlah RM791.74 juta antaranya disebabkan oleh peningkatan pemiutang, lain-lain pemiutang dan peruntukan.

4. Laporan terperinci Penyata Untung Rugi dan Kunci Kira-Kira bagi tempoh kewangan berakhir 30 November 2025 adalah seperti di Lampiran A dan B.

SYOR

5. Agenda ini dibentangkan untuk makluman anggota.

**PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30
NOVEMBER 2025**

Perkara	Sehingga November 2025 (RM)	Sehingga November 2024 (RM)	Beza (%)
PENDAPATAN			
Perladangan	245,674,182	211,613,485	16.10
Pelaburan Korporat	108,256,333	129,693,310	(16.53)
Pasaran Modal	920,645	2,608,257	(64.70)
Hartanah	22,975,770	23,660,879	(2.90)
Perkhidmatan Ar Rahn	25,826,331	22,519,086	14.69
Perbankan Komersial	7,107,676	7,635,505	(6.91)
Keanggotaan	22,700	17,060	33.06
JUMLAH PENDAPATAN	410,783,636	397,747,582	3.28
KOS JUALAN			
Kos Perladangan	167,831,409	172,851,143	(2.90)
Kos Pelaburan Korporat	423,742	300,403	41.06
Kos Pasaran Modal	476,878	1,549,957	100.00
Kos Hartanah	5,308,353	4,765,630	11.39
Kos Perkhidmatan Ar Rahn	5,063,176	4,183,376	21.03
Kos Perbankan Komersial	1,782,740	2,105,154	(15.32)
JUMLAH KOS LANGSUNG/JUALAN	180,886,297	185,755,664	(2.62)
UNTUNG KASAR	229,897,340	211,991,918	8.45
LAIN-LAIN PENDAPATAN	43,129,086	6,451,297	568.53
A) PERBELANJAAN PENTADBIRAN			
Gaji dan Emolumen:			
Gaji dan Upah	9,733,290	8,814,933	10.42
Caruman KWSP & Perkeso	1,992,399	1,776,914	12.13
Jumlah	11,725,689	10,591,847	10.70
Elaun dan Kebajikan:			
Elaun dan Manfaat	632,635	581,977	8.70
Insuran Perubatan	767,857	648,096	18.48
Rawatan Perubatan	464,273	449,565	3.27

Perkara	Sehingga November 2025 (RM)	Sehingga November 2024 (RM)	Beza (%)
Jumlah	1,864,766	1,679,638	11.02
Jumlah Perbelanjaan Pentadbiran	13,590,455	12,271,486	10.75
B) PERBELANJAAN OPERASI			
Honorarium dan Eiaun:			
Saguhati Lembaga	-	61,000	(100.00)
Perbelanjaan Mesyuarat Lembaga	41,513	51,072	(18.72)
Elaun Mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa	233,000	231,300	0.73
Jumlah	274,513	343,372	(20.05)
Kebajikan:			
Khairat Kematian	1,929,250	-	100.00
Sumbangan	180,784	148,559	21.69
Jumlah	2,110,034	148,559	1,320.34
Latihan:			
Latihan & Kursus	132,531	180,656	(26.64)
Jumlah	132,531	180,656	(26.64)
Penyelenggaraan:			
Lesen	16,176	12,858	25.80
Penyelenggaraan dan Pembaikan	1,180,175	1,231,004	(4.13)
Pembersihan Pejabat	104,500	96,430	8.37
Insuran	598,646	580,767	3.08
Utiliti	1,578,998	1,751,934	(9.87)
Cukai Tanah dan Cukai Pintu	2,825,379	2,693,490	4.90
Jumlah	6,303,874	6,366,483	(0.98)
Aset Hartanah:			
Tuntutan Litigasi	3,467,871	-	100.00
Yuran & Komisen Agen Hartanah	19,456	23,700	(17.91)
Yuran Penilaian	135,190	289,563	(53.31)
Jumlah	3,622,517	313,263	1,056.38
Kos Kenderaan:			
Insuran Kenderaan	1,780	4,433	(59.84)
Penyelenggaraan	38,404	23,761	61.62

Perkara	Sehingga November 2025 (RM)	Sehingga November 2024 (RM)	Beza (%)
Tol & Parkir Kenderaan	18,632	16,627	12.06
Sewa Kenderaan	2,090	18,972	(88.98)
Diesel dan Petrol	38,603	31,833	21.27
Cukai Jalan	1,057	1,885	(43.94)
Jumlah	100,566	97,511	3.13
Kos Pejabat:			
Langganan Komunikasi & Multimedia	141,791	184,100	(22.98)
Sewa Peralatan Pejabat	76,318	87,921	(13.20)
Percetakan dan Alat Tulis	237,833	207,443	14.65
Telefon & Faks	56,050	45,777	22.44
Khidmat Kourier & Perkhidmatan Pos	78,921	66,004	19.57
Perbelanjaan Pejabat	8,289	13,180	(37.11)
Jumlah	599,203	604,424	(0.86)
Khidmat Audit & Cukai:			
Fi Agen Cukai	44,582	-	100.00
Jumlah	44,582	-	100.00
Yuran:			
Duti Setem	4,354	400	988.50
Yuran Pembukaan Ar Rahn & CTOS	20,387	28,170	(27.63)
Yuran Khidmat Konsultan	867,564	694,497	24.92
Khidmat Guaman	1,008,119	2,374,077	(57.54)
Yuran Pembiayaan	1,000,000	1,000,000	-
Khidmat Kesetiausahaan	3,969	4,830	(17.83)
Jumlah	2,904,394	4,101,974	(29.20)
Pengiklanan dan Promosi:			
Pengiklanan	3,233	8,847	(63.46)
Jumlah	3,233	8,847	(63.46)
Keraian dan Perjalanan:			
Tuntutan Perjalanan	40,478	36,853	9.83
Elaun Sara Hidup	88,218	61,621	43.16
Jamuan & Keraian	153,102	125,463	22.03
Pengangkutan dan Perjalanan	216,335	224,089	(3.46)

Perkara	Sehingga November 2025 (RM)	Sehingga November 2024 (RM)	Beza (%)
Jumlah	498,133	448,025	11.18
Perbelanjaan Mesyuarat Agung:			
Elaun Perwakilan	310,920	319,340	(2.64)
Perbelanjaan Mesyuarat	162,364	210,797	(22.98)
Perbelanjaan Mesyuarat Kawasan:			
Belanja Mesyuarat Kawasan	171,533	-	100.00
Jumlah	644,817	530,137	21.63
Pembangunan Sistem Informasi dan Teknologi:			
Sewa Perkakasan	1,073,939	991,711	8.29
Sewa Talian SKB & CPU	271,692	332,992	(18.41)
Khidmat Juruanalisa & Juruprogram	66,812	47,845	39.64
Jumlah	1,412,442	1,372,548	2.91
Pelupusan Deposit	2,500	-	100.00
Hapuskira Hutang Lapuk	585	-	100.00
Cukai Keuntungan Jualan Hartanah	132,000	162,324	(18.68)
Cukai Keuntungan Modal	1,558,083	-	100.00
Elaun Penasihat	10,000	-	100.00
Sewaan Premis Ar Rahnu	-	58,500	(100.00)
Jumlah Perbelanjaan Operasi	20,354,007	14,736,624	38.12
C) KOS KEWANGAN			
Caj Pembiayaan Kewangan	23,914,366	24,361,474	(1.84)
Caj Hak Penggunaan Aset	371,439	232,858	59.51
Caj Bank	37,209	38,979	(4.54)
Jumlah Kos Kewangan	24,323,014	24,633,311	(1.26)
JUMLAH PERBELANJAAN	58,267,475	51,641,421	12.83
D) SUSUT NILAI DAN PELUNASAN			
Pelunasan Aset Tidak Ketara (Yuran Francais)	75,000	100,833	(25.62)
Susut nilai Aset Tetap	6,696,977	2,233,605	199.83
Susut nilai Hak Penggunaan Aset	3,274,615	3,004,199	9.00
Pelunasan Pajakan Tertangguh	14,410,631	1,400,673	928.84

Perkara	Sehingga November 2025 (RM)	Sehingga November 2024 (RM)	Beza (%)
Pelunasan Tumbuhan Penghasil	10,203,053	2,043,117	399.39
Jumlah Susut nilai dan Pelunasan	34,660,276	8,782,427	294.65
Jumlah Perbelanjaan Termasuk Susut nilai	92,927,751	60,423,847	53.79
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	180,098,674	158,019,368	13.97
Pelarasan Operasi	28,634,346	437	100.00
KEUNTUNGAN SELEPAS PELARASAN OPERASI	151,464,329	158,018,931	(4.15)

Lampiran B

KUNCI KIRA-KIRA PADA 30 NOVEMBER 2025

	2025 (RM)	2024 (RM)
ASET		
Aset Bukan Semasa		
Harta, Loji dan Peralatan	60,918,278	12,295,004
Tanah untuk Pembangunan	294,217,840	294,217,840
Aset Tidak Ketara	15,867,769	124,167
Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari	-	55,753,682
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama	6,060,100	47,660,351
Tumbuhan Penghasil	340,429,543	114,558,328
Aset Kewangan Sedia Dijual	6,551,805	36,641,964
Harta bagi Kumpulan Wang Rizab	795,140,274	795,140,274
Pelaburan Hartanah	824,910,000	823,520,000
Kumpulan Wang Likuiditi Pusat	22,859,870	22,859,870
Pajakan Tertanggung	831,714,582	117,196,615
Pembiayaan	450,641,385	423,120,472
Hak Penggunaan Aset	6,989,864	7,496,450
Akaun Deposit Koperasi (ADK)	70,503,926	54,790,071
	<u>3,726,805,236</u>	<u>2,805,375,086</u>
Aset Semasa		
Inventori	9,136,941	7,869,981
Aset Biologi	2,123,942	514,413
Penghutang Perdagangan	98,028,741	56,837,697
Lain-lain Penghutang, Deposit dan Bayaran Terdahulu	37,169,460	37,913,455
Aset untuk Dijual	-	1,210,074,389
Pelaburan Siarharga	394,500	-
Hutang Daripada Syarikat-Syarikat Bersekutu	3,355,797	3,729,641
Hutang Daripada Syarikat Berkaitan	-	-
Hutang Daripada FELDA	368,445	1,534,807
Hutang Daripada Syarikat-Syarikat Subsidiari	72,258,699	51,681,911
Pulangan Cukai	-	-
Deposit / Simpanan	10,000,000	7,000,000
Baki Bank dan Wang Tunai	78,499,461	21,320,609
	<u>311,335,986</u>	<u>1,398,476,904</u>
Jumlah Aset	4,038,141,222	4,203,851,990

EKUITI DAN LIABILITI

Modal Saham dan Rizab

Modal Syer	2,213,043,900	2,268,443,590
Modal Syer Ditebus	14,348,527	5,000,000
Keuntungan Berkumpul	148,002,020	307,468,868
Kumpulan Wang Anggota	2,375,394,447	2,580,912,459
Kumpulan Wang Rizab	865,644,199	849,930,344
Kumpulan Wang Penebusan Saham	-	2,513,000
Tabung Khairat Kematian Anggota	-	213,250
Rizab Pelaburan	(20,086,046)	(21,460,142)
Jumlah Ekuiti	<u>3,220,952,600</u>	<u>3,412,108,911</u>

Liabiliti Bukan Semasa

Pinjaman Jangka Panjang	513,358,802	531,274,353
	<u>513,358,802</u>	<u>531,274,353</u>

Liabiliti Semasa

Pemiutang Perdagangan	11,715,435	6,794,532
Lain-lain Pemiutang dan Peruntukan	95,453,511	72,427,937
Akaun Amanah Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi	-	-
Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi	-	-
Hutang Kepada Syarikat-Syarikat Subsidiari	15,735,342	11,466,584
Hutang Kepada Syarikat-Syarikat Bersekutu	223,912	235,122
Hutang Kepada Syarikat Berkaitan	-	-
Hutang Kepada FELDA	32,461,540	20,805,567
Deposit Terhutang	86,007,280	86,058,758
Deposit Berjangka Mudharabah	254,246	250,402
Peruntukan Bayaran Lembaga	-	150,000
Peruntukan Dividen	-	-
Liabiliti Pajakan	7,187,628	7,589,754
Akaun Deposit Koperasi Belum Bayar	54,790,926	54,690,071
	<u>303,829,820</u>	<u>260,468,726</u>

Jumlah Liabiliti

	<u>817,188,622</u>	<u>791,743,080</u>
--	---------------------------	---------------------------

Jumlah Liabiliti dan Ekuiti

	<u>4,038,141,222</u>	<u>4,203,851,990</u>
--	-----------------------------	-----------------------------

AGENDA 02

**Membentangkan Cadangan Pindaan Belanjawan 2026 dan
Belanjawan 2027**

Membentangkan Cadangan Pindaan Belanjawan 2026 dan Belanjawan 2027

TUJUAN

1. Agenda ini adalah untuk membentangkan cadangan pindaan belanjawan 2026 dan belanjawan 2027 untuk makluman anggota.

LATAR BELAKANG

2. Belanjawan 2026 telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-44 (MAPT Ke-44) pada 26 Jun 2025. Maklumat cadangan Pindaan Belanjawan 2026 berbanding Belanjawan 2026 adalah seperti berikut:

Perkara	Pindaan Belanjawan 2026 (RM'000)	Belanjawan 2026 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	546,021	245,794	300,227	122.15
Kos Jualan	287,520	53,521	233,999	437.21
Keuntungan Kasar	258,501	192,273	66,228	34.44
Perbelanjaan:				
a. Perbelanjaan Pentadbiran	17,986	17,792	194	1.09
b. Perbelanjaan Operasi	18,181	14,036	4,145	29.53
c. Kos Kewangan	26,700	8,604	18,096	210.32
d. Susut nilai dan Pelunasan	35,017	10,812	24,205	223.87
	97,884	51,244	46,640	91.02
Keuntungan Sebelum Cukai	160,617	141,029	19,588	13.89

Andaian utama Pindaan Belanjawan 2026 adalah Ladang Samarahan beroperasi seperti biasa (Belanjawan 2026: Andaian Ladang Samarahan telah dijual). Perubahan ketara bagi pendapatan, kos jualan, kos kewangan dan susutnilai dan pelunasan antaranya adalah kesan daripada andaian utama tersebut.

3. Rumusan Belanjawan 2027 berbanding Pindaan Belanjawan 2026 adalah seperti berikut:

Perkara	Belanjawan 2027 (RM'000)	Pindaan Belanjawan 2026 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	554,220	546,021	8,199	1.50
Kos Jualan	302,576	287,520	15,056	5.24
Keuntungan Kasar	251,644	258,501	(6,857)	(2.65)
Perbelanjaan:				
a. Perbelanjaan Pentadbiran	18,819	17,986	833	4.63
b. Perbelanjaan Operasi	14,703	18,181	(3,478)	(19.13)
c. Kos Kewangan	25,658	26,700	(1,042)	(3.90)
d. Susut nilai dan Pelunasan	36,779	35,017	1,762	5.03
	95,959	97,884	(1,925)	(1.97)
Keuntungan Sebelum Cukai	155,685	160,617	(4,932)	(3.07)

4. Unjuran pendapatan bagi tahun 2027 adalah berjumlah RM554.22 juta, meningkat sebanyak RM8.20 juta atau 1.50% berbanding Belanjawan 2026 berjumlah RM546.02 juta.

5. Maklumat pendapatan mengikut bidang keberhasilan adalah seperti berikut:

Bidang Keberhasilan	Belanjawan 2027 (RM'000)	Pindaan Belanjawan 2026 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Perladangan	364,344	343,815	20,529	5.97
Pelaburan Korporat	92,715	107,831	(15,116)	(14.02)

Pasaran Modal	25,750	19,500	6,250	32.05
Hartanah	21,370	28,830	(7,460)	(25.88)
Perkhidmatan Ar-Rahnu	38,000	34,500	3,500	10.14
Perbankan Komersial	12,012	11,515	497	4.32
Jumlah	554,191	545,991	8,200	1.50

6. Andaian-andaian kepada unjuran pendapatan dalam Belanjawan 2027 adalah seperti berikut:

(a) Perladangan

Pendapatan daripada aktiviti perladangan diunjurkan sebanyak RM364.34 juta, meningkat sebanyak RM20.53 juta atau 5.97% berbanding Pindaan Belanjawan 2026 berjumlah RM343.81 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan andaian peningkatan hasil dari aktiviti perladangan, BTS Felda dan Pusat Mengumpul Sawit (PMS).

(b) Pelaburan Korporat

Pendapatan daripada pelaburan korporat diunjur sebanyak RM92.71 juta, menurun sebanyak RM15.12 juta ataupun 14.02% berbanding Pindaan Belanjawan 2026 berjumlah RM107.83 juta. Penurunan ini disebabkan dividen daripada syarikat bersekutu diunjur menurun berbanding Belanjawan 2026.

(c) Pasaran Modal

Pendapatan daripada aktiviti pasaran modal diunjur sebanyak RM25.75 juta, meningkat sebanyak RM6.25 juta atau 32.05% berbanding Pindaan Belanjawan 2026 berjumlah RM19.50 juta. Peningkatan ini diunjur dengan

andaian peruntukan dana berjumlah RM80.00 juta dengan kadar pulangan purata 9.60%.

(d) Hartanah

Pendapatan daripada hartanah diunjur sebanyak RM21.37 juta, menurun sebanyak RM7.46 juta atau 25.88% berbanding Pindaan Belanjawan 2026 berjumlah RM28.83 juta. Penurunan ini diunjur selari dengan pelupusan sebahagian daripada aset pelaburan hartanah di mana hanya bangunan The Icon, Southgate dan Hotel Tenera yang dikekalkan.

(e) Perkhidmatan Ar-Rahnu

Pendapatan daripada operasi perkhidmatan Ar-Rahnu diunjurkan sebanyak RM38.00 juta, peningkatan sebanyak RM3.50 juta atau 10.14% berbanding Pindaan Belanjawan 2026 berjumlah RM34.50 juta. Peningkatan ini disokong oleh pembukaan cawangan baharu, peningkatan prestasi cawangan sedia ada dan peningkatan urusan jual beli emas.

(f) Perbankan Komersial

Pendapatan daripada aktiviti pembiayaan diunjurkan sebanyak RM12.01 juta, peningkatan sebanyak RM0.49 juta atau 4.32% berbanding Pindaan Belanjawan 2026 berjumlah RM11.52 juta. Unjuran peningkatan ini disokong oleh pertambahan portfolio pembiayaan kepada RM130.00 juta berbanding RM120.60 juta bagi Pindaan Belanjawan 2026.

KOS JUALAN

7. Jumlah kos jualan dalam Belanjawan 2027 bagi aktiviti pelaburan dan perniagaan diunjurkan berjumlah RM302.58 juta, meningkat sebanyak RM15.06 juta atau 5.24% berbanding Pindaan Belanjawan 2026 berjumlah RM287.52 juta. Maklumat kos jualan adalah seperti berikut:

Bidang Keberhasilan	Belanjawan 2027 (RM'000)	Pindaan Belanjawan 2026 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Perladangan	259,980	253,082	6,898	2.73
Pelaburan Korporat	5,719	2,549	3,170	124.36
Pasaran Modal	17,111	13,084	4,027	30.78
Hartanah	5,650	5,650	-	-
Perkhidmatan Ar-Rahnu	9,864	8,953	911	10.18
Perbankan Komersial	4,252	4,202	50	1.19
Jumlah	302,576	287,520	15,056	5.24

8. Peningkatan kos jualan adalah selari dengan unjuran peningkatan pendapatan 2027.

PERBELANJAAN

9. Bajet perbelanjaan tahun 2027 adalah berjumlah RM95.96 juta, menurun sebanyak RM1.92 juta atau 1.97% berbanding Pindaan Belanjawan 2026 berjumlah RM97.88 juta seperti berikut:

Perbelanjaan	Belanjawan 2027 (RM'000)	Pindaan Belanjawan 2026 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pentadbiran	18,819	17,986	833	4.63
Operasi	14,703	18,181	(3,478)	(19.13)
Kos Kewangan	25,658	26,700	(1,042)	(3.90)
Susut nilai dan Pelunasan	36,779	35,017	1,762	5.03
Jumlah	95,959	97,884	(1,925)	(1.97)

10. Perbelanjaan pentadbiran diunjurkan berjumlah RM18.82 juta, meningkat sebanyak RM0.83 juta atau 4.63% berbanding Pindaan Belanjawan 2026 berjumlah RM17.99 juta. Peningkatan ini disebabkan kenaikan gaji tahunan petugas.

11. Perbelanjaan operasi diunjurkan menurun sebanyak RM3.48 juta atau 19.13% kepada RM14.70 juta berbanding Pindaan Belanjawan 2026 berjumlah RM18.18 juta. Penurunan ini antaranya disebabkan tiada khidmat guaman diunjurkan dalam tahun 2027 bagi kes mahkamah yang diunjurkan selesai dalam tahun 2026.

12. Perbelanjaan kos kewangan berjumlah RM25.66 juta, menurun sebanyak RM1.04 juta atau 3.90% berbanding Pindaan Belanjawan 2026 berjumlah RM26.70 juta disebabkan oleh kos kewangan yang dicaj oleh institusi kewangan dikira berdasarkan kaedah baki berkurangan dan tiada pembiayaan baharu.

13. Perbelanjaan susutnilai dan pelunasan diunjur meningkat sebanyak RM1.76 juta ataupun 5.03% kepada RM36.78 juta berbanding RM35.02 juta dalam Pindaan Belanjawan 2026 disebabkan oleh tambahan aset tetap dalam tahun 2026 dan tahun 2027.

PERBELANJAAN MODAL

14. Bajet perbelanjaan modal diunjurkan berjumlah RM21.65 juta, menurun sebanyak RM6.98 juta ataupun 24.38% berbanding Pindaan Belanjawan 2026 berjumlah RM28.63 juta. Penurunan ini antaranya disebabkan pengurangan perbelanjaan modal bagi kilang sawit dan rumah kakitangan dalam Belanjawan 2027.

MODAL SYER ANGGOTA

15. Jumlah modal syer anggota diunjur pada nilai RM1,900 juta bagi Belanjawan 2027 dan RM2,000 juta bagi Pindaan Belanjawan 2026.

16. Maklumat Belanjawan 2027 dan Pindaan Belanjawan 2026 seperti di **Lampiran A**.

SYOR

17. Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan kelulusan anggota untuk diangkat ke MAPT Ke-45 yang akan datang.

Lampiran A

BELANJAWAN 2027 DAN PINDAAN BELANJAWAN 2026

PERKARA	BELANJAWAN 2027 RM	PINDAAN BELANJAWAN 2026 RM	PERBEZAAN BAJET RM	PERBEZAAN BAJET %
PENDAPATAN:				
Perladangan	364,343,900	343,815,435	20,528,465	5.97
Pelaburan Korporat	92,715,026	107,830,791	(15,115,765)	(14.02)
Pasaran Modal	25,750,000	19,500,000	6,250,000	32.05
Hartanah	21,370,000	28,830,000	(7,460,000)	(25.88)
Perkhidmatan Ar Rahn	38,000,000	34,500,000	3,500,000	10.14
Perbankan Komersial	12,012,000	11,515,000	497,000	4.32
Keanggotaan	30,000	30,000	-	-
Jumlah	554,220,926	546,021,226	8,199,700	1.50
KOS JUALAN:				
Kos Perladangan	259,980,675	253,081,971	6,898,704	2.73
Kos Pelaburan Korporat	5,718,979	2,548,537	3,170,442	124.40
Kos Pasaran Modal	17,111,000	13,084,000	4,027,000	30.78
Kos Hartanah	5,650,000	5,650,000	-	-
Kos Perkhidmatan Ar Rahn	9,863,500	8,953,500	910,000	10.16
Kos Perbankan Komersial	4,252,000	4,202,000	50,000	1.19
Jumlah	302,576,154	287,520,008	15,056,146	5.24
(A) PERBELANJAAN PENTADBIRAN				
Gaji Dan Emolumen:				
Gaji Dan Upah	11,536,713	11,041,754	494,959	4.48
Caruman KWSP & Perkeso	2,711,303	2,591,600	119,704	4.62
Bonus	1,889,035	1,799,081	89,954	5.00
Jumlah	16,137,051	15,432,435	704,616	4.57
Elaun Dan Kebajikan:				

PERKARA	BELANJAWAN 2027 RM	PINDAAN BELANJAWAN 2026 RM	PERBEZAAN BAJET RM	PERBEZAAN BAJET %
Elaun Dan Manfaat	871,900	859,060	12,840	1.49
Insuran Perubatan	991,724	991,724	-	-
Rawatan Perubatan	818,634	702,664	115,970	16.50
Jumlah	2,682,258	2,553,448	128,810	5.04
Jumlah Belanja Pentadbiran	18,819,310	17,985,883	833,426	4.63
(B) PERBELANJAAN OPERASI				
Honorarium Dan Elaun:				
Honorarium Lembaga	150,000	150,000	-	-
Lain-lain Perbelanjaan Lembaga	60,000	60,000	-	-
Perbelanjaan Mesyuarat Lembaga	62,000	62,000	-	-
Elaun Tahunan Jawatakuasa Audit Dalam	31,000	31,000	-	-
Elaun Tahunan Jawatankuasa Syariah	35,000	35,000	-	-
Elaun Tahunan Jawatankuasa (Lantikan Profesional)	51,000	51,000	-	-
Elaun Mesyuarat Lembaga Dan Jawatankuasa	288,200	288,200	-	-
Jumlah	677,200	677,200	-	-
Kebajikan Anggota:				
Sumbangan	158,000	158,000	-	-
Wakaf	100,000	100,000	-	-
Jumlah	258,000	258,000	-	-
Latihan:				
Latihan & Kursus	263,734	253,835	9,899	3.90
HRDF	115,367	110,418	4,950	4.48
Jumlah	379,101	364,253	14,849	4.08

PERKARA	BELANJAWAN 2027 RM	PINDAAN BELANJAWAN 2026 RM	PERBEZAAN BAJET RM	PERBEZAAN BAJET %
Penyelenggaraan:				
Lesen	385,000	166,990	218,010	130.55
Penyelenggaraan Dan Pembaikan	1,514,750	1,487,470	27,280	1.83
Pembersihan Pejabat	126,000	119,700	6,300	5.26
Insuran	694,000	714,000	(20,000)	(2.80)
Utiliti	1,749,650	1,749,650	-	-
Cukai Tanah dan Cukai Pintu	2,200,000	2,600,000	(400,000)	(15.38)
Jumlah	6,669,400	6,837,810	(168,410)	(2.46)
Aset Hartanah:				
Yuran & Komisen Agen Hartanah	200,000	200,000	-	-
Yuran Penilaian	250,000	350,000	(100,000)	(28.57)
Jumlah	450,000	550,000	(100,000)	(18.18)
Kos Kenderaan:				
Insuran Kenderaan	5,800	5,500	300	5.45
Penyelenggaraan Kenderaan	25,000	40,000	(15,000)	(37.50)
Tol & Parkir Kenderaan	20,200	21,850	(1,650)	(7.55)
Sewa Kenderaan	250,000	180,384	69,616	38.59
Diesel dan Petrol	30,000	30,000	-	-
Cukai Jalan	-	15,855	(15,855)	(100.00)
Jumlah	331,000	293,589	37,411	12.74
Kos Pejabat:				
Langganan Komunikasi & Multimedia	171,800	171,222	578	0.34
Sewa Peralatan Pejabat	157,157	149,257	7,900	5.29
Percetakan Dan Alat Tulis	429,000	428,080	920	0.21
Telefon & Faks	55,910	55,910	-	-

PERKARA	BELANJAWAN 2027 RM	PINDAAN BELANJAWAN 2026 RM	PERBEZAAN BAJET RM	PERBEZAAN BAJET %
Khidmat Kourier & Perkhidmatan Pos	98,950	104,450	(5,500)	(5.27)
Perbelanjaan Pejabat	33,252	32,584	668	2.05
Jumlah	946,069	941,503	4,566	0.48
Khidmat Audit & Cukai:				
Fi Juruaudit	250,000	232,000	18,000	7.76
Fi Agen Cukai	33,000	33,000	-	-
Jumlah	283,000	265,000	18,000	6.79
Yuran:				
Duti Setem	71,760	71,750	10	0.01
Yuran Pembukaan Ar Rahn & CTOS	55,600	54,850	750	1.37
Yuran Khidmat Konsultan	100,000	180,000	(80,000)	(44.44)
Khidmat Guaman	820,000	3,820,000	(3,000,000)	(78.53)
Yuran Pembiayaan	-	500,000	(500,000)	(100.00)
Khidmat Kesetiausahaan	15,000	15,000	-	-
Jumlah	1,062,360	4,641,600	(3,579,240)	(77.11)
Pengiklanan Dan Promosi:				
Pengiklanan, Promosi Dan Pameran	30,000	41,200	(11,200)	(27.18)
Jumlah	30,000	41,200	(11,200)	(27.18)
Keraian Dan Perjalanan:				
Tuntutan Perjalanan	68,180	68,180	-	-
Elaun Sara Hidup	159,120	154,220	4,900	3.18
Jamuan & Keraian	64,100	64,000	100	0.16
Pengangkutan & Perjalanan	397,235	376,545	20,690	5.49
Jumlah	688,635	662,945	25,690	3.88
Perbelanjaan Mesyuarat Agung:				

PERKARA	BELANJAWAN 2027 RM	PINDAAN BELANJAWAN 2026 RM	PERBEZAAN BAJET RM	PERBEZAAN BAJET %
Elaun Perwakilan	345,000	345,000	-	-
Perbelanjaan Mesyuarat	238,400	238,400	-	-
Jamuan Mesyuarat	251,000	251,000	-	-
Perbelanjaan Mesyuarat Kawasan:				
Belanja Mesyuarat Kawasan	250,000	230,000	20,000	8.70
Jumlah	1,084,400	1,064,400	20,000	1.88
Pembangunan Sistem:				
Sewa Perkakasan	1,263,900	1,117,048	146,852	13.15
Sewa Talian SKB & CPU	360,000	216,000	144,000	66.67
Khidmat Juruanalisa & Juruprogram	220,000	250,000	(30,000)	(12.00)
Jumlah	1,843,900	1,583,048	260,852	16.48
Jumlah Belanja Operasi	14,703,065	18,180,548	(3,477,483)	(19.13)
(C) KOS KEWANGAN				
Caj Pembiayaan Kewangan	25,254,000	26,295,986	(1,041,986)	(3.96)
Caj Hak Penggunaan Aset	344,199	344,199	-	-
Caj Bank	60,000	60,000	-	-
Jumlah	25,658,199	26,700,185	(1,041,986)	(3.90)
Jumlah Besar Perbelanjaan (Tunai)	59,180,574	62,866,616	(3,686,042)	(5.86)
(D) SUSUTNILAI DAN PELUNASAN				
Pelunasan Aset Tidak Ketara (Yuran Francais)	-	36,667	(36,667)	(100.00)
Susutnilai Aset Tetap	7,785,503	7,854,127	(68,623)	(0.87)
Susutnilai Hak Penggunaan Aset	3,098,412	3,475,678	(377,266)	(10.85)
Rosot Nilai Pelaburan	500,000	500,000	-	-
Pelunasan Pajakan Tertanggung	14,361,915	12,117,772	2,244,143	18.52

PERKARA	BELANJAWAN 2027 RM	PINDAAN BELANJAWAN 2026 RM	PERBEZAAN BAJET RM	PERBEZAAN BAJET %
Pelunasan Tumbuhan Penghasil	11,032,928	11,032,928	-	-
Jumlah Susutnilai Dan Pelunasan	36,778,758	35,017,171	1,761,587	5.03
JUMLAH BESAR PERBELANJAAN (TERMASUK SUSUT NILAI & PELUNASAN)	95,959,331	97,883,787	(1,924,455)	(1.97)
(E) PERBELANJAAN MODAL (ASET TETAP)				
Perladangan:				
Mesin	1,140,000	3,890,000	(2,750,000)	(70.69)
Bangunan/Rumah Kakitangan	2,677,000	4,337,000	(1,660,000)	(38.28)
Jentera Pertanian	-	-	-	-
Kenderaan Operasi	270,000	-	270,000	100.00
Alat & Peralatan	69,600	1,014,100	(944,500)	(93.14)
Pejabat & Stor	1,961,800	3,142,540	(1,180,740)	(37.57)
Ubahsuai & Pembaikan	235,000	395,000	(160,000)	(40.51)
Pembinaan Jalan	10,347,655	10,572,080	(224,425)	(2.12)
Lain-Lain:				
Ubahsuai & Pembaikan (Ar-Rahnu)	2,500,000	1,000,000	1,500,000	150.00
Peralatan Pejabat (Ar-Rahnu)	750,000	750,000	-	-
Kenderaan Pejabat	-	330,000	(330,000)	(100.00)
Pekakasan	500,000	1,000,000	(500,000)	(50.00)
Perisian	1,000,000	2,000,000	(1,000,000)	(50.00)
Alat & Peralatan	200,000	200,000	-	-
Jumlah Aset Tetap	21,651,055	28,630,720	(6,979,665)	(24.38)

AGENDA 03

Membentangkan Cadangan Mewujudkan Aturan Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga

Cadangan Mewujudkan Aturan Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga

TUJUAN

1. Agenda ini adalah untuk pertimbangan keputusan anggota berkaitan cadangan mewujudkan Aturan Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga.

LATAR BELAKANG

2. Menurut Undang-Undang Kecil (UUK) 36, Anggota Lembaga hendaklah mengandungi 12 orang yang terdiri daripada 9 orang perwakilan yang dipilih oleh MAPT di bawah peruntukan seksyen 42 Akta.
3. Pelantikan bagi jawatan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari hendaklah dilantik oleh Lembaga FELDA daripada kalangan anggota atau perwakilan tertakluk kepada pengesahan MAPT seperti yang diperuntukan di bawah perenggan (b) fasal (1) UUK dan fasal (2) UUK 36.
4. Tertakluk kepada peruntukan fasal (1) dan (3) UUK 38:
 - (a) *satu pertiga daripada anggota Lembaga menurut perenggan (a) fasal (1) UUK 36 hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap MAPT.*
 - (b) *Anggota Lembaga menurut perenggan (b) fasal (1) UUK 36 hendaklah mengosongkan jawatan pada tiap-tiap MAPT.*
5. Menurut subseksyen 43(2) Akta Koperasi 1993, sesuatu koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) hendaklah, sebelum melantik atau melantik semula mana-mana orang sebagai anggota Lembaga, meminta penentusahan daripada SKM sama ada orang itu memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh SKM.

6. SKM telah mengeluarkan Garis Panduan 3: Garis Panduan Penentusahan Memenuhi Kriteria Layak Dan Sesuai Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Sebagai Anggota Lembaga Koperasi (GP3) yang telah berkuat kuasa mulai 1 September 2024 bagi menyenaraikan langkah-langkah yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh koperasi yang ditentukan oleh SKM dalam proses pelantikan atau pelantikan semula Anggota Lembaga.

7. Semua calon-calon Anggota Lembaga perlu terlebih dahulu melalui proses penentusahan oleh SKM untuk memastikan semua calon yang bertanding memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan.

8. Bagi mematuhi terma dan syarat SKM, mereka yang mencalonkan diri untuk bertanding hendaklah mempunyai kelayakan, pengalaman dan kompeten untuk menjalankan tanggungjawab sebagai Anggota Lembaga dengan berkesan dan memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- (a) Ketekunan, kecekapan dan kewarasan keputusannya;
- (b) Reputasi, tingkah laku, integriti dan kejujurannya;
- (c) Tidak melanggar mana-mana peruntukan yang dibuat oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (d) Tidak didakwa melakukan atas mana-mana kesalahan di bawah Jadual 1 dan 2, Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini 1969[Akta 7]; dan
- (e) Tidak seorang bankrap yang belum dilepaskan.

9. Koperasi juga perlu melaksanakan perkara-perkara berikut sebelum permohonan penentusahan calon dikemukakan kepada SKM seperti yang diperuntukkan di bawah GP3:

- (a) Tapisan keutuhan (eSTK) yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
- (b) Koperasi hendaklah menubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pencalonan (JP) bagi melaksanakan tapisan awal dan saringan (*screening*) seterusnya memberikan perakuan dan laporan penilaian sewajarnya ke atas permohonan yang dikemukakan oleh calon anggota Lembaga pada Borang Penilaian sebelum permohonan dikemukakan kepada SKM.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MENJADI ANGGOTA LEMBAGA

10. Calon hendaklah memenuhi kelayakan untuk dilantik menjadi ALK seperti yang dinyatakan dalam seksyen 43 Akta iaitu:

- (a) Tiada seorang pun layak dilantik menjadi ALK atau kekal sebagai seorang ALK sesuatu koperasi jika dia telah:
 - (i) disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
 - (ii) dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi.
- (b) Memenuhi kriteria layak dan sesuai seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan 3: Garis Panduan Penentusahan Memenuhi Kriteria Layak Dan Sesuai Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Sebagai ALK.
- (c) Memenuhi kelayakan seperti yang dinyatakan dalam UUK 37 iaitu:
 - (i) Tiada seorang pun layak menjadi ALK atau kekal sebagai seorang ALK jika dia:
 - a. telah disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah akta;
 - b. telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;

- c. menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalam bagi koperasi ini;
- d. ada percanggahan kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh koperasi ini; atau
- e. dalam hal dia seorang perwakilan kepada sesuatu koperasi anggota:
 - i. dia belum genap tempoh 2 tahun menganggotai sesuatu anggota yang telah didaftarkan melebihi 2 tahun; atau
 - ii. dia tidak memegang jawatan sebagai anggota Lembaga sesuatu anggota.

SYOR

11. Sehubungan itu, Lembaga mengusulkan cadangan mewujudkan Aturan Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga dengan terma dan syarat berikut:

- (a) Selain memenuhi kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 43 Akta, Garis Panduan 3: Garis Panduan Penentusahan Memenuhi Kriteria Layak dan Sesuai bagi Pelantikan atau Pelantikan Semula sebagai Anggota Lembaga, serta kelayakan seperti yang dinyatakan dalam UUK 37, calon-calon Anggota Lembaga juga hendaklah memenuhi syarat-syarat tambahan berikut:
 - (i) Setiap Anggota Lembaga hendaklah merupakan anggota individu bagi koperasi ini;
 - (ii) Bagi calon individu, calon hendaklah memiliki modal syer dalam koperasi ini tidak kurang daripada RM10,000 pada tarikh pencalonan;

- (iii) Bagi calon yang dicalonkan oleh sesebuah koperasi yang merupakan anggota koperasi ini, calon tersebut hendaklah memiliki modal syer tidak kurang daripada RM10,000, manakala koperasi yang mencalonkannya hendaklah memiliki modal syer tidak kurang daripada RM50,000 pada tarikh pencalonan;
 - (iv) Mempunyai tahap kesihatan fizikal dan mental yang mencukupi serta diperakui oleh pengamal perubatan berdaftar/Panel Kesihatan yang diiktiraf kerajaan bagi membolehkannya menjalankan tanggungjawab sebagai Anggota Lembaga; dan
 - (v) Mempunyai pengalaman dan/atau kelayakan akademik dalam bidang pengurusan, kewangan, perakaunan, undang-undang, atau industri berkaitan.
- (b) Mana-mana kakitangan FELDA yang ingin bertanding sebagai Anggota Lembaga hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada majikan masing-masing, selaras dengan amalan semasa FELDA.
12. Aturan Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga KPF adalah seperti di **Lampiran A**.
13. Agenda ini adalah untuk makluman dan pertimbangan anggota untuk diangkat ke MAPT Ke-45.

ATURAN KELAYAKAN MENJADI ANGGOTA LEMBAGA

TAJUK

1. Aturan ini hendaklah dinamakan Aturan Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) atau koperasi ini.
2. Aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 86 koperasi ini dan dikuatkuasakan tertakluk kepada persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) dan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

TAFSIRAN

3. Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:
 - (a) **“Aturan”** ertinya Aturan Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga;
 - (b) **“Aturan”** ertinya Aturan Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga;
 - (c) **“Anggota”** ertinya seseorang individu/koperasi yang layak menurut UUK KPF;
 - (d) **“KPF”** ertinya Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad;
 - (e) **“Lembaga Koperasi”** ertinya badan pengelola KPF yang kepadanya pengurusan hal ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;
 - (f) **“Suruhanjaya”** ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007;

- (g) **“MAPT”** ertinya Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan yang dihadiri oleh perwakilan-perwakilan yang dilantik dalam Mesyuarat Agung Kawasan;
- (h) **“MAK”** ertinya Mesyuarat Agung Kawasan yang diadakan di kawasan-kawasan yang ditetapkan oleh Lembaga dengan bilangan perwakilan dan anggota seperti yang dinyatakan dalam UUK 26; dan
- (i) **“ALK”** ertinya anggota Lembaga Koperasi.

TUJUAN

4. Aturan ini dikeluarkan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam Akta Koperasi 1993, Peraturan dan UUK untuk menjelaskan tatacara dan syarat serta kelayakan menjadi anggota Lembaga KPF.

LATAR BELAKANG

5. Menurut Undang-Undang Kecil (UUK) 36, ALK hendaklah mengandungi 12 orang yang terdiri daripada 9 orang perwakilan yang dipilih oleh Mesyuarat Agung di bawah peruntukan seksyen 42 Akta.

6. Pelantikan bagi jawatan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari hendaklah dilantik oleh Lembaga FELDA daripada kalangan anggota atau perwakilan tertakluk kepada pengesahan MAPT seperti yang diperuntukan di bawah perenggan (b) fasal (1) UUK dan fasal (2) UUK 36

7. Tertakluk kepada peruntukan fasal (1) dan (3) UUK 38:

- (i) satu pertiga daripada anggota Lembaga menurut perenggan (a) fasal (1) UUK 36 hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap mesyuarat agung perwakilan tahunan (MAPT); dan

- (ii) Anggota Lembaga menurut perenggan (b) fasal (1) UUK 36 hendaklah mengosongkan jawatan pada tiap-tiap MAPT.

8. Menurut subseksyen 43(2) Akta Koperasi 1993, sesuatu koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) hendaklah, sebelum melantik atau melantik semula mana-mana orang sebagai anggota Lembaga, meminta penentusahan daripada Suruhanjaya sama ada orang itu memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

9. Suruhanjaya telah mengeluarkan Garis Panduan 3: Garis Panduan Penentusahan Memenuhi Kriteria Layak Dan Sesuai Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Sebagai Anggota Lembaga Koperasi (GP3) yang telah berkuat kuasa mulai 1 September 2024 bagi menyenaraikan langkah-langkah yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam proses pelantikan atau pelantikan semula Anggota Lembaga Koperasi (ALK).

10. Semua calon-calon ALK perlu terlebih dahulu melalui proses penentusahan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk memastikan semua calon yang bertanding memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan.

11. Bagi mematuhi terma dan syarat SKM, mereka yang mencalonkan diri untuk bertanding hendaklah mempunyai kelayakan, pengalaman dan kompeten untuk menjalankan tanggungjawab sebagai ALK dengan berkesan dan memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- (i) Ketekunan, kecekapan dan kewarasan keputusannya;
- (ii) Reputasi, tingkah laku, integriti dan kejujurannya;
- (iii) Tidak melanggar mana-mana peruntukan yang dibuat oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (iv) Tidak didakwa melakukan atas mana-mana kesalahan di bawah Jadual 1 dan 2, Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini 1969[Akta 7]; dan

- (v) Tidak seorang bankrap yang belum dilepaskan.
12. Koperasi juga perlu melaksanakan perkara-perkara berikut sebelum permohonan penentusahan calon dikemukakan kepada SKM seperti yang diperuntukkan di bawah GP3:
- (i) Tapisan keutuhan (eSTK) yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
 - (ii) Koperasi hendaklah menubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pencalonan (JP) bagi melaksanakan tapisan awal dan saringan (*screening*) seterusnya memberikan perakuan dan laporan penilaian sewajarnya ke atas permohonan yang dikemukakan oleh calon anggota Lembaga pada Borang Penilaian sebelum permohonan dikemukakan kepada SKM.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MENJADI ANGGOTA LEMBAGA

13. Memenuhi kelayakan bagi dilantik menjadi ALK seperti yang dinyatakan dalam seksyen 43 Akta iaitu:
- (i) Tiada seorang pun layak dilantik menjadi ALK atau kekal sebagai seorang ALK sesuatu koperasi jika dia telah:
 - a. disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
 - b. dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi.
14. Memenuhi kriteria layak dan sesuai seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan 3: Garis Panduan Penentusahan Memenuhi Kriteria Layak Dan Sesuai Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Sebagai ALK.
15. Memenuhi kelayakan seperti yang dinyatakan dalam UUK 37 iaitu:

- (i) Tiada seorang pun layak menjadi ALK atau kekal sebagai seorang ALK jika dia:
 - a. telah disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah akta;
 - b. telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;
 - c. menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi koperasi ini;
 - d. ada percanggahan kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh koperasi ini; atau
 - e. dalam hal dia seorang perwakilan kepada sesuatu koperasi anggota:
 - i. dia belum genap tempoh 2 tahun menganggotai sesuatu anggota yang telah didaftarkan melebihi 2 tahun; atau
 - ii. dia tidak memegang jawatan sebagai anggota Lembaga sesuatu anggota.

16. Memenuhi syarat-syarat lain seperti berikut:

- (i) Setiap ALK hendaklah merupakan anggota individu bagi koperasi ini;
- (ii) Bagi calon individu, hendaklah memiliki modal syer dalam koperasi ini tidak kurang daripada RM10,000 pada tarikh pencalonan;
- (iii) Bagi calon yang dicalonkan oleh sesebuah koperasi yang merupakan anggota koperasi ini, calon tersebut hendaklah memiliki modal syer tidak kurang daripada RM10,000, manakala koperasi yang mencalonkannya hendaklah memiliki modal syer tidak kurang daripada RM50,000 pada tarikh pencalonan;
- (iv) Mempunyai tahap kesihatan fizikal dan mental yang mencukupi serta diperakui oleh pengamal perubatan berdaftar/Panel Kesihatan yang

diiktiraf kerajaan bagi membolehkannya menjalankan tanggungjawab sebagai ALK;

- (v) Mempunyai pengalaman dan/atau kelayakan akademik dalam bidang pengurusan, kewangan, perakaunan, undang-undang, atau industri berkaitan; dan
- (vi) Mana-mana kakitangan FELDA yang ingin bertanding sebagai ALK hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada majikan masing-masing, selaras dengan amalan semasa FELDA.

PERTIKAIAN

17. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham tentang tafsiran Aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya mengikut UUK 82 koperasi ini.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

18. Aturan ini boleh dari semasa ke semasa dikemaskini tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.

19. Aturan ini dikuatkuasakan pemakaiannya selepas diluluskan oleh MAPT ke-45.

.....

Pengerusi

.....

Setiausaha

.....

Bendahari

AGENDA 04

Usul-usul Lembaga dan Anggota (jika ada)

Membentangkan Usul-usul Lembaga dan Anggota (jika ada)

TUJUAN

1. Agenda ini adalah untuk makluman berkaitan usul-usul yang diterima daripada anggota (jika ada) untuk makluman anggota.

LATAR BELAKANG

2. Setiausaha telah mengedarkan Borang Usul secara pautan Google Form bersama notis MAK yang perlu dikemukakan anggota selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum MAK berlangsung.

ULASAN ANGGOTA LEMBAGA

3. Untuk makluman, tiada usul yang diterima.

SYOR

4. Agenda ini dibentang untuk makluman anggota.